

Tunku Aminah rasmikan perpustakaan UTHM

BATU PAHAT 11 Jun - Puteri Sultan Johor, Tunku Aminah Sultan Ibrahim hari ini berkenan merasmikan Perpustakaan Tunku Tun Aminah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini yang merupakan perpustakaan tertinggi di Asia.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Bharun Narosid Mat Zin.

Dalam gimik perasmiannya, Tunku Aminah turut diberi penerangan tentang latar belakang perpustakaan setinggi lima tingkat yang siap dibina pada 2010 di atas tapak seluas 16,000 kaki persegi.

Selaras gimik perasmian, Tunku Aminah kemudian dibawa melawat ruang perpustakaan yang kini memuatkan lebih 300,000 buah buku kepada mahasiswa selain dilengkapi dengan mesin penyerahan bahan dan ruang pembelajaran maya.

Sementara itu, Bharun Narosid memberitahu, Perpustakaan Tunku Tun Aminah yang merupakan perpustakaan tercanggih di negeri ini bukan sahaja membuka keahlianya kepada mahasiswa UTHM, malah turut menerima keahlian daripada komuniti luar.

"Perpustakaan Tunku Tun Aminah berbeza daripada perpustakaan lain kerana di sini, UTHM mengenakan konsep perpustakaan keluarga

**Perpustakaan
Tunku Tun Aminah
berbeza daripada
perpustakaan lain
kerana di sini,
UTHM mengenakan
konsep perpustakaan
keluarga yang
membenarkan
kemasukan
kanak-kanak**

BHARUN NAROSID MAT ZIN
Ketua Pustakawan Perpustakaan
Tunku Tun Aminah

yang membenarkan kemasukan kanak-kanak.

"Berikutnya itu, UTHM menyediakan perpustakaan kanak-kanak yang membolehkan ibu bapa meninggalkan anak mereka sementara mendapatkan bahan bacaan yang dikehendaki," katanya.

Beliau berkata, selain ratusan ribu buku, terdapat 40,000 jurnal disediakan di perpustakaan tersebut untuk komuniti dari dalam dan luar UTHM.



TUNKU Aminah Sultan Ibrahim melihat buku di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM sambil diiringi oleh Mohd. Noh Dalimin (kiri) di UTHM Batu Pahat, Johor, semalam.